

## Polis bantuan, rakan warga Thailand ditahan bersama 29kg daun ketum

30 Januari 2018



POLIS menemui 29kg daun ketum di tempat pembuangan sampah Apartmen Seri Tanjung, Bukit Sentosa, Hulu Selangor sebelum suspek menjual bahan larangan tersebut kepada pelanggan di sekitar kawasan Sungai Buaya, Bukit Sentosa dan Genting Highlands yang merupakan tempat kerjanya.

## Polis bantuan, rakan warga Thailand ditahan bersama 29kg daun ketum

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**HULU SELANGOR** - Seorang anggota polis bantuan ditahan bersama 29 kilogram daun ketum di tempat pembuangan sampah Apartmen Seri Tanjung, Bukit Sentosa di sini kelmarin.

Turut ditahan dalam serbuan pukul 9.35 malam itu, seorang lelaki warga Thailand yang juga rakan anggota polis bantuan berkenaan.

Satu sumber berkata, bertindak atas risikan dan maklumat sepasukan polis menyerbu kawasan berkenaan sebelum menemui 11 plastik hitam berisi daun ketum dalam kereta milik polis bantuan itu.

Katanya, hasil siasatan mendapati bekalan daun ketum itu diambil dari kebun suspek di Teluk Intan, Perak untuk dijual kepada pelanggan

di sekitar kawasan Sungai Buaya, Bukit Sentosa dan Genting Highlands yang merupakan tempat kerjanya.

"Siasatan lanjut juga mendapati suspek berusia 31 tahun itu terlibat dalam aktiviti penjualan daun ketum sejak dua bulan lalu.

"Dalam serbuan itu, pihak polis turut merampas sebuah kereta jenis Perodua Viva serta wang tunai RM240," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut sumber itu lagi, suspek warga Thailand yang ditahan itu tidak mempunyai dokumen perjalanannya yang sah.

"Kita hanya memperoleh maklumat peribadi suspek secara lisan dan kita akan membuat semakan dengan pihak imigresen untuk maklumat lanjut," ujarnya.